

23 FEB 2001

Saifuddin-Amanat

AMANAT DR MAHATHIR DIBAWA KE SELURUH NEGARA

JITRA, 23 Feb (Bernama) -- Amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru 18 Februari lalu, akan dibawa ke seluruh negara melalui program susulan perhimpunan patriotisme alaf baru yang dirancang diadakan di seluruh negara.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata MBM akan mengadakan mesyuarat dengan badan lain yang menjadi penganjur majlis itu minggu depan untuk mengatur jadual program susulan tersebut.

Katanya matlamat program susulan ini adalah untuk sampai di setiap daerah, sekolah, kilang dan di mana juga tempat yang mempunyai golongan belia.

Kubang Pasu merupakan daerah pertama menjalankan program susulan perhimpunan patriotisme dan akan disusuli oleh daerah Kuala Pilah di Negeri Sembilan pada 3 Mac ini, katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran liga bola sepak Majlis Belia Daerah Kubang Pasu di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahawangsa di sini hari ini.

Beliau berkata aktiviti lain yang berkaitan dengan pembentukan semangat patriotisme seperti sukan dan ekspedisi akan dijalankan sempena program patriotisme alaf baru itu.

Saifuddin berkata amanat Perdana Menteri juga akan diterbitkan dalam bentuk VCD untuk diedarkan melalui persatuan-persatuan belia dan badan sukarela lain serta risalah yang akan disebar secara meluas kepada golongan belia.

Beliau berkata MBM sedang dalam peringkat perancangan untuk menerbitkan sebuah album lagu patriotik yang akan dilancarkan pada Ogos sempena sambutan Bulan Merdeka.

Album itu mengandungi 16 buah lagu yang membabitkan lima komponen yang mempunyai lirik berunsur patriotik selain sebuah lagu yang akan dinyanyikan oleh tokoh-tokoh belia, katanya.

Saifuddin berkata album tersebut dijangka siap Mei ini dan pada peringkat awal, 100,000 naskah dalam bentuk cakera padat dan kaset akan diedarkan kepada persatuan belia, badan sukarela dan sekolah.

-- BERNAMA

ZZ LAT